

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA
TAHUN 2024**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2024 akan dilaksanakan pada **3 hingga 6 Februari 2025** serta **10, 12 dan 13 Februari 2025**. Seramai **4,507** orang calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan STAM Tahun 2024 di **132** buah pusat peperiksaan seluruh negara. Bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan, seramai **926** orang petugas peperiksaan telah dilantik.

KPM ingin mengingatkan semua calon peperiksaan STAM Tahun 2024 agar merujuk jadual waktu peperiksaan bagi mendapatkan maklumat mengenai tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan, serta arahan yang perlu dipatuhi sepanjang peperiksaan berlangsung. Jadual waktu peperiksaan STAM Tahun 2024 boleh dimuat turun dari laman sesawang Lembaga Peperiksaan (LP) melalui pautan lp.moe.gov.my.

Calon diingatkan supaya membawa **dokumen pengenalan diri** dan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** ke pusat peperiksaan. Calon juga hendaklah mematuhi prosedur operasi standard dan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan kelancaran pengurusan pengendalian peperiksaan STAM Tahun 2024.

KPM cakna dengan keselamatan dan kebajikan calon serta petugas peperiksaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan termasuk musim banjir sepanjang peperiksaan STAM Tahun 2024 berlangsung.

KPM sentiasa siap siaga dengan mekanisme dan langkah persediaan sewajarnya termasuk bekerjasama dengan agensi kerajaan lain yang berkaitan.

Calon dinasihatkan untuk memaklumkan kepada pihak sekolah atau jabatan pendidikan negeri (JPN) dengan segera sekiranya tidak dapat hadir di pusat peperiksaan yang telah ditetapkan atau mana-mana pusat peperiksaan berhampiran disebabkan oleh bencana. Calon juga boleh menghubungi talian bilik gerakan peperiksaan yang disediakan di ibu pejabat LP dan JPN di seluruh negara.

KPM komited untuk melakukan yang terbaik bagi memastikan peperiksaan STAM Tahun 2024 dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur. KPM mendoakan agar semua calon dapat menduduki peperiksaan dalam keadaan sihat, selamat dan sejahtera.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
27 JANUARI 2025

MAKLUMAT BILIK GERAKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN DAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

NEGERI	BILIK GERAKAN	NOMBOR TELEFON
WP Putrajaya	Lembaga Peperiksaan	03-8889 3520
		03-8889 3551
		03-8889 3601
Perak	SPP Perak	05-501 5170
		05-501 5177
		05-501 5264
Selangor	SPP Selangor	03-5518 6120
Pahang	SPP Pahang	09-571 5736
Kelantan	SPP Kelantan	09-744 1411
Sabah	SPP Sabah	019-833 6889
Johor	SPP Johor	07-231 0049
		07-231 0050
		07-231 0051
Kedah	SPP Kedah	04-740 4247
Melaka	SPP Melaka	06-232 6467
Negeri Sembilan	SPP Negeri Sembilan	06-765 3374
Pulau Pinang	SPP Pulau Pinang	04-263 1472
Perlis	SPP Perlis	04-973 7632
Sarawak	SPP Sarawak	082-473 527
		082-473 519
		082-473 520
		082-473 534
Terengganu	SPP Terengganu	09-621 3030
WP Kuala Lumpur	SPP Kuala Lumpur	03-6204 6180